

-Langkah Musa tidak jejaskan Umno—PM

Oleh RAHIM ZAIN
dan ISHAK DALIB

IPOH, Sabtu — Perpaduan parti tidak akan terjejas walaupun Datuk Musa Hitam enggan menarik balik keputusannya untuk meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sokongan ahli-ahli Umno selama ini membuktikan mereka memberikan kepercayaan dan berdiri teguh di sisi pucuk pimpinan.

Beliau mengulangi pendirian keputusan mengenai kesediaan Datuk Musa menerima semula jawatan Timbalan Presiden Umno kepada Majlis Tertinggi.

Beliau berkata, apa yang diketahuinya, perpaduan di kalangan ahli parti tidak perlu dipersoalkan kerana

semua pihak memberikan kata sepakat dan berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan.

"Tindakan Datuk Musa itu tidak menjejaskan perpaduan parti. Sejak mula-mula lagi kemungkinan itu tidak pernah dipersoalkan.

Sokongan

"Setakat yang saya ketahui, berdasarkan telegram yang saya terima, pelbagai laporan yang dibuat serta pengakuan daripada ahli-ahli Umno Johor, semuanya menekankan perpaduan parti dan sokongan terhadap Majlis Tertinggi dan Presiden.

"Jadi, tidak ada persoalan yang timbul mengenai terjejasnya perpaduan parti kesan tindakan Datuk Musa itu. Segala kata-kata mempertikaikan masalah perpaduan parti adalah tidak berasas sama sekali," tegasnya kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Komputer di Sekolah Menengah Shen Jai, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau telah menerima surat peribadi daripada Datuk Musa melalui rombongan MT dan akan menetapkan hari bagi memanggil mesyuarat Majlis Tertinggi.

"Dalam suratnya kepada saya, selain daripada keputusannya menarik semula perletakan jawatan sebagai Timbalan Presiden Umno, beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Majlis Tertinggi," jelas beliau.

Layak

Mengenai amalan bahawa Timbalan Presiden Umno juga memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan:

"Itu bukannya undang-undang, tetapi hanya amalan kita sahaja."

Ditanya sama ada beliau mempunyai sebarang calon yang layak untuk menggantikan Datuk Musa sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau berkata, soalan itu berharga \$64,000 dan beliau tidak akan menjawabnya.

"Keputusan Datuk Musa bukan saya yang menentukannya. Ia adalah hak MT untuk membincangkannya dan adalah keputusan mereka. Mereka menghantar rombongan menemui Datuk Musa dan terpulanglah kepada mereka membuat ketetapan.

Lewat malam tadi, rombongan yang diketuai oleh Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Wan Mokhtar Ahmad, mengadakan perjumpaan lebih sejam dengan Perdana Menteri di sebuah hotel terkemuka di sini.